

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	2 March 2016

## Perjumpaan Kit Siang, Dr. Mahathir dipersoal

UM - 2/3/2016

**KUALA LUMPUR 1 Mac** - Kenyataan Penasihat DAP, Lim Kit Siang bahawa beliau telah mengadakan perjumpaan dengan Tun Dr. Mahathir Mohamad menimbulkan persoalan sama ada bekas Perdana Menteri itu bersedia bekerjasama dengan pembangkang bagi menumbangkan kerajaan di bawah kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Kit Siang dalam laman blognya mengakui telah mengadakan perjumpaan dengan Dr. Mahathir bagi membincangkan isu-isu semasa serta mencapai perkembangan yang menggalakkan bagi menyelesaikan masalah negara.

"Saya telah berjumpa dan berbincang dengan Dr. Mahathir berkenaan situasi semasa negara, dan juga dengan Datuk Zaid Ibrahim mengenai

inisiatif 27 Mac anjurannya itu.

"DAP akan menyokong segala usaha untuk 'Selamatkan Malaysia', yang berbeza daripada kempen untuk 'Selamatkan Najib' atau 'Selamatkan UMNO'," katanya.

Kit Siang turut mengesahkan sekali lagi bahawa pertemuan itu berlangsung ketika berucap dalam Majlis Pemukiman DAP Selangor, hari ini.